

# KEBUDAYAAN: PEMUDA UMNO MESTI TEGAS

MUAR, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno diseru supaya menyédari dan menentang tindak-tanduk segolongan rakyat negara ini yang mempertikaikan pelaksanaan kebudayaan kebangsaan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Haji Muhyiddin Mohd Yassin ketika membuat seruan ini berharap Pergerakan Pemuda tidak berdiam diri dengan keputusan yang dibuat oleh 16 pertubuhan Cina dalam kongres kebudayaan anjurannya di Pulau Pinang tidak lama dulu.

Kongres kebudayaan itu mengkritik keputusan kerajaan menjadikan kebudayaan pribumi sebagai asas kebudayaan kebangsaan negara ini.

Haji Muhyiddin, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Johor dan Exco Pergerakan Pemuda kesai

dengan sikap 16 pertubuhan Cina itu yang disifatkannya sebagai bercanggah dengan usaha-usaha kerajaan sekarang.

“Sikap tidak puas hati dan kritikan yang dikeluarkan di kongres itu adalah anasir-anasir yang mesti dicurigai kerana ia adalah gejala-gejala buruk untuk memecah-belahkan perpaduan rakyat negara ini.

“Pergerakan Pemuda Umno mesti sensitif dalam hal ini dan saya menyeru semua ahli pergerakan menentang keputusan itu,” ujarnya ketika berucap di majlis penyam-

paian hadiah dan pameran kebudayaan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Cawangan Simpang Baba, di sini semalam.

Katanya, resolusi-resolusi yang diputuskan oleh kongres anjuran pertubuhan-pertubuhan Cina itu mesti ditentang kerana ia bertentangan sama sekali dengan ketetapan yang dibuat oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan tidak berapa lama dulu.

Beliau juga berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak akan berganjak dan bertolak ansur,

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia